

Kefahaman Perwalian Nikah dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kota Bharu, Kelantan

[Understanding of Marriage Guardianship among The Community in Kota Bharu District, Kelantan]

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 112-120
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 Jun 2022
Accepted: 29 October 2022
Published: 9 December 2022

Suhaida Zakaria & Che Maryam Ahmad¹

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: suhaidazakaria123@gmail.com; cyam@ukm.edu.my

* Corresponding Author: suhaidazakaria123@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kefahaman perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini adalah kajian kuantitatif iaitu menggunakan kaedah kajian tinjauan. Satu set soal selidik yang mengandungi 19 item telah diedarkan kepada 384 responden di daerah Kota Bharu, Kelantan. Data-data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan menggunakan program *Stastic Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27. Analisis kajian menunjukkan nilai Alpha Cronbrach kajian ini ialah ($\alpha=0.94$). Dapatan kajian ini menunjukkan secara majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap perwalian nikah dengan nilai min keseluruhan iaitu 4.21. Hal ini menunjukkan tahap kefahaman perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan berada di tahap yang tinggi dan sangat memuaskan.

Kata kunci: Kefahaman, Perwalian, Wali Nikah, Masyarakat, Kota Bharu.

Abstract

This study was conducted to examine the level of understanding of marriage guardianship among the community in Kota Bharu, Kelantan. This study is a quantitative study that uses the survey research method. A set of questionnaires containing 19 items was distributed to 384 respondents in Kota Bharu, Kelantan. The data obtained from the respondents were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) program version 27. The analysis of the study showed that the Cronbach Alpha value of this study was ($\alpha=0.94$). The findings of this study show that the majority respondents have a high level of understanding of marriage guardianship with an overall mean value of 4.21. This shows that the level of understanding of marriage guardianship among the community in Kota Bharu, Kelantan is at a high level and very satisfactory.

Keywords: Understanding, Guardianship, Marriage Guardian, Community, Kota Bharu.

Cite This Article:

Suhaida Zakaria & Che Maryam Ahmad. (2022). Kefahaman Perwalian Nikah dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kota Bharu, Kelantan [Understanding of Marriage Guardianship among The Community in Kota Bharu District, Kelantan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 112-120.

Pengenalan

Islam merupakan agama yang syumul dan lengkap dalam semua aspek kehidupan. Allah telah mensyariatkan perkahwinan untuk memenuhi keperluan manusia yang ingin hidup berpasang-pasangan sebagai suami isteri. Islam telah menggariskan beberapa prinsip sebagai panduan untuk membina keluarga yang harmoni serta bahagia di dunia dan akhirat. Institusi perkahwinan Islam telah dijelaskan secara lengkap mempunyai syarat dan rukun yang diperincikan oleh ulama agar perkahwinan yang dilaksanakan sah mengikut hukum syarak. Sehubungan itu, setiap pasangan yang ingin berkahwin hendaklah menyempurnakan rukun-rukun perkahwinan yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu suami, isteri, wali, dua orang saksi dan *sighah* (ijab dan kabul). Ketiadaan salah satu rukun nikah akan mengakibatkan perkahwinan tersebut tidak sah dan terbatal. Salah satu rukun nikah yang penting ialah wali kerana wali merupakan elemen yang menentukan kesahan sesebuah perkahwinan tersebut. Kehadiran wali merupakan satu daripada rukun pernikahan kerana wali memainkan peranan penting dalam menentukan hubungan sesebuah perkahwinan. Menurut *Wahbah al-Zuhayli* (1996), *al-wilayah* ialah mempunyai kuasa untuk mengambil sesuatu tindakan atau membuat urusan tanpa perlu mendapat keizinan seseorang. Manakala *Sayyid Sabiq* (1973) mentakrifkan perwalian ialah suatu hukum syarak yang berkuasa melaksanakan perintah atas orang lain dengan paksa. Para Fuqaha' memberi maksud perwalian ialah kuasa *syara'* terhadap diri dan harta mengikut turutan pelaksanaan kedua-duanya (*Abdul Karim*, 1999). Dengan melihat beberapa definisi-definisi yang diberikan, dapat difahami bahawa wali ialah seorang yang diberi kuasa *syara'* atau mempunyai kuasa untuk mengakadnikahkan seseorang perempuan di bawah jagaannya tanpa perlu mendapat keizinan.

Kewujudan wali merupakan satu elemen yang penting dalam sesebuah perkahwinan. Hal ini kerana, wali merupakan salah satu rukun perkahwinan. Terdapat beberapa ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW mengenai pensyariatan wali dalam sesebuah perkahwinan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 232:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يُنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ ذَلِكُمْ يُوعَظُ
بِهِ مَنْ كَانَ مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكُمْ أَرْكَى لَكُمْ وَأَطْهَرُ ۝ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنَّمَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu habis idahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kahwin lagi dengan bakal suaminya, apabila telah terdapat kerelaan di antara mereka dengan cara yang makruf. Itulah yang dinasihatkan kepada orang-orang yang beriman di antara kamu kepada Allah dan hari kemudian. Itu lebih baik bagimu dan lebih suci. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.

Hadis daripada Aisyah RA, yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah SAW bersabda:

لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوَلِيٍّ

Maksudnya: Tidak sah nikah tanpa wali. (HR. Abu Daud)

Berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan hadis yang dinyatakan, menunjukkan bahawa peranan seorang wali dan wali merupakan satu keperluan dalam sesebuah perkahwinan. Hal ini kerana, tidak sah sesebuah perkahwinan tanpa seorang wali dan seorang perempuan tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan dirinya atau perempuan yang lain. Hikmah pensyariatan wali adalah untuk menjaga hak dan kehormatan ke atas seorang perempuan. Keperluan wali adalah wajib semasa akad nikah. Secara jelasnya bahawa wali adalah salah satu rukun perkahwinan yang penting dan perkahwinan tanpa wali menyebabkan perkahwinan tersebut tidak sah dan terbatal.

Perwalian nikah merupakan salah satu rukun perkahwinan yang sering menimbulkan pelbagai isu dalam kalangan masyarakat Islam seperti siapa yang menjadi wali kepada anak tidak sah taraf, perwalian mualaf, perwalian kanak-kanak, wali *aqrab* enggan melaksanakan perkahwinan dan sebagainya. Berdasarkan statistik perkahwinan secara pindah wali dari pejabat Konsulat General Malaysia di Songkla, seramai 7079 pasangan telah berdaftar pada Januari 2013 hingga Jun 2015. Menurut Norazlin (2019) apabila berlaku kes seperti perkahwinan secara pindah wali, masyarakat akan bertindak dengan sesuka hati iaitu dengan melanggar rukun dan syarat dalam perkahwinan. Isu kahwin lari sangat berkait rapat dengan soal perwalian nikah. Terdapat banyak isu yang berkisar mengenai perwalian nikah. Antaranya ialah perkahwinan tanpa wali, wali enggan, wali hakim palsu, perkahwinan secara pindah wali dan sebagainya. Yang dimaksudkan dengan perkahwinan secara pindah wali ialah perkahwinan tanpa kebenaran di luar Malaysia atau menggunakan wali hakim di luar negara. Kebiasaan dilakukan di negara-negara jiran seperti di Thailand, Indonesia dan lain-lain. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002 telah memutuskan bahawa perkahwinan secara ‘pindah wali’ ini diakui oleh Islam sekiranya segala syarat dan rukun telah dipatuhi serta dipenuhi iaitu perkahwinan itu mengikut rukun nikah, melebihi dua marhalah, tiada keputusan mahkamah yang menghalang perempuan itu berkahwin atas alasan syarak di tempat dia bermastautin dan perkahwinan itu mesti dilaksanakan oleh wali hakim yang diiktiraf oleh wilayah negara berkenaan. Selain itu, mesti diakadnikahkan oleh wali yang ditauliahkan sebagai wali hakim. Di samping itu, perkahwinan secara pindah wali boleh berlaku dalam keadaan sama ada pasangan tersebut pergi sendiri berkahwin di negara jiran atau menggunakan khidmat sindiket. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji apakah tahap kefahaman perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif iaitu menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Maklum balas setiap responden dalam soal selidik diukur dengan skala likert lima mata iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Sebelum itu, pengkaji telah mendapatkan dahulu kesahan daripada pakar bidang yang berkaitan. Seterusnya, kajian ini memilih sampel seramai 384 orang responden golongan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan dengan memilih menggunakan pensampelan bertujuan. Sebanyak 384 borang soal selidik telah diedarkan kepada masyarakat di daerah Kota

Bharu, Kelantan. Responden telah memberi kerjasama yang baik dengan menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan. Kesemua data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan menggunakan program IBM *Stastic Package for Social Sciences* (SPSS) version 27. Dapatan nilai *Alpha Croanbach* dalam instrumen kajian ini telah mencapai tahap kebolehpercayaan dengan nilai ($\alpha=0.94$). Apabila nilai indeks kebolehpercayaan mencapai pada 0.7 ke atas, maka ia berada di tahap yang baik dan tahap tinggi seperti yang tertera jadual 1.1.

Jadual 1.1 Klasifikasi indeks kebolehpercayaan.

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.30

Sumber: Pallant (2001)

Dapatkan Kajian

Kefahaman Perwalian Nikah dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Kota Bharu, Kelantan

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan analisis deskriptif bagi menjelaskan dapatan kajian mengenai kefahaman perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan. Borang soal selidik ini mengandungi 19 item soalan yang menguji responden mengenai perwalian nikah terhadap masyarakat. Bahagian ini terdapat tiga konstruk utama iaitu konstruk pertama adalah konsep perwalian nikah, seterusnya konstruk kedua mengenai syarat-syarat wali nikah dan konstruk ketiga iaitu sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim. Item-item dalam bahagian ini menggunakan skala likert lima mata iaitu tahap 1=(Sangat Tidak Setuju), 2=(Tidak Setuju), 3 =(Tidak Pasti), 4=(Setuju), 5= (Sangat Setuju). Bagi nilai min setiap item dinilai berdasarkan jadual interpretasi skor min yang dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2 Interpretasi skor min mengikut tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Bahanam & Turinam (1999)

a. Item konsep perwalian nikah

Jadual 1.3 Min, sisihan piawai dan interpretasi min terhadap konsep perwalian nikah

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
B1	Saya faham maksud perwalian nikah dalam Islam	4.28	0.740	Tinggi
B2	Saya faham wali adalah salah satu rukun nikah	4.53	0.613	Tinggi
B3	Saya faham wali nasab ialah orang yang mempunyai pertalian keturunan dengan seseorang perempuan yang bakal berkahwin	4.35	0.726	Tinggi
B4	Saya faham wali nasab mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengahwinkan seseorang perempuan di bawah tanggungannya tanpa meminta keizinan	3.97	1.021	Sederhana Tinggi
B5	Saya faham <i>wali ikhtiyar</i> tidak mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengahwinkan seseorang perempuan tanpa keizinannya	3.88	0.902	Sederhana Tinggi
B6	Saya faham wali nasab ialah bapa dan datuk sebelah bapa	4.23	0.786	Tinggi
B7	Saya faham <i>wali ikhtiyar</i> ialah selain daripada bapa dan datuk	4.02	0.859	Tinggi
B8	Saya faham wali hakim ialah wali yang dilantik oleh pemerintah seperti kadi, pendaftar nikah untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab	4.33	0.752	Tinggi
Min Keseluruhan		4.20	0.604	Tinggi

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa hasil analisis deskriptif mengikut nilai min, sisihan piawai serta tahap interpretasi bagi setiap item dalam konstruk konsep perwalian nikah. Bahagian ini mempunyai lapan item yang digunakan bagi menguji kefahaman responden. Jika dilihat, majoriti item daripada konstruk kefahaman konsep perwalian nikah mendapat nilai skor min yang tinggi yang melebihi $\text{min} > 4.00$. Item yang berada di tahap yang tinggi iaitu B2 ($\text{min}=4.53$), B3 ($\text{min}=4.35$), B8 ($\text{min}=4.33$), B1 ($\text{min}=4.28$), B6 ($\text{min}=4.23$) dan B7 ($\text{min}=4.02$). manakala dua item berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu B4 ($\text{min}=3.97$) dan B5 ($\text{min}=3.88$). Berdasarkan dapatan secara keseluruhannya di atas, menunjukkan nilai min keseluruhan bagi konsep perwalian nikah iaitu ($\text{min}=4.20$) yang mana ia berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

b. Item syarat-syarat wali nikah

Jadual 1.4 Min, sisihan piawai dan interpretasi min terhadap syarat-syarat wali nikah.

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
C1	Saya faham seorang wali mestilah seorang merdeka, baligh dan berakal	4.46	0.736	Tinggi
C2	Saya faham seorang perempuan tidak boleh menjadi wali	4.55	0.742	Tinggi
C3	Saya faham syarat wali mesti seorang yang beragama Islam	4.58	0.666	Tinggi
C4	Saya faham tidak boleh seorang fasik menjadi wali	4.34	0.814	Tinggi
C5	Saya faham syarat menjadi wali itu harus seorang yang adil	4.35	0.814	Tinggi
Min Keseluruhan		4.45	0.615	Tinggi

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa hasil analisis deskriptif mengikut nilai min, sisihan piawai serta tahap interpretasi bagi setiap item dalam konstruk syarat-syarat wali nikah. Bahagian ini mempunyai lima item yang digunakan bagi menguji kefahaman responden. Jika dilihat, keseluruhan item daripada konstruk kefahaman syarat-syarat wali nikah mendapat nilai skor min yang tinggi yang melebihi $\min > 4.00$. Item yang berada di tahap yang paling tinggi iaitu C3 ($\min=4.58$), diikuti dengan item C2 ($\min=4.55$), C1 ($\min=4.46$), C5 ($\min=4.35$), dan C4 ($\min=4.34$). berdasarkan dapatan secara keseluruhannya di atas, menunjukkan nilai min keseluruhan bagi syarat-syarat wali nikah iaitu ($\min=4.45$) yang mana ia berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan, kefahaman mengenai syarat-syarat wali nikah dalam kalangan masyarakat berada di tahap yang sangat memuaskan.

c. Item sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim

Jadual 1.5 Min, sisihan piawai dan interpretasi min terhadap sebab perpindahan wali *aqrab* (wali nasab) kepada wali *ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
D1	Saya faham perpindahan wali akrab kepada <i>wali ab'ad</i> apabila tidak memenuhi syarat-syarat wali	3.90	0.860	Sederhana Tinggi
D2	Saya faham <i>wali ab'ad</i> akan menjadi wali sekiranya <i>wali aqrab</i> seorang yang gila	3.99	0.833	Sederhana Tinggi

D3	Saya faham perwalian berpindah daripada wali nasab kepada wali hakim apabila wali nasab tidak dapat di kesan sama ada hidup atau mati	4.17	0.813	Tinggi
D4	Saya faham boleh menggunakan wali hakim sekiranya wali enggan	4.00	0.898	Sederhana Tinggi
D5	Saya faham wali hakim akan menjadi wali sekiranya wali nasab sedang mengerjakan umrah dan haji	3.90	0.918	Sederhana Tinggi
D6	Saya faham wali hakim menjadi wali kepada seorang anak yang tiada wali nasab (anak tak sah taraf, anak angkat yang terputus hubungan dengan keluarga asal dan mualaf)	4.16	0.825	Tinggi
Min Keseluruhan		4.02	0.682	Tinggi

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa hasil analisis deskriptif mengikut nilai min, sisihan piawai serta tahap interpretasi bagi setiap item dalam konstruk sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim. Bahagian ini mempunyai enam item yang digunakan bagi menguji kefahaman responden. Jika dilihat, keseluruhan item daripada konstruk kefahaman syarat-syarat wali nikah mendapat nilai skor min yang sederhana tinggi yang mana min kurang daripada 4.00. Hanya terdapat dua item sahaja yang berada di tahap yang tinggi iaitu D3 (min=4.17), dan D6 (min=4.16). Manakala empat item lagi berada di tahap yang sederhana tinggi iaitu D4 (min=4.00), D2 (min=3.99), D1 (min=3.90) dan D5 (min=3.90). namun dapatan secara keseluruhannya di atas, menunjukkan nilai min keseluruhan bagi sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim iaitu (min=4.02) yang mana ia masih berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

Perbahasan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, kefahaman mengenai perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan berada pada tahap yang tinggi dengan mendapat nilai min (min=4.21). Jadual 1.6 menunjukkan hasil dapatan secara keseluruhan mengikut setiap konstruk.

Jadual 1.6 menunjukkan hasil dapatan secara keseluruhan mengikut setiap konstruk.

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
1	Konsep perwalian nikah	4.20	0.604	Tinggi
2	Syarat-syarat wali nikah	4.45	0.615	Tinggi
3	Sebab perpindahan wali <i>aqrab</i> (wali nasab)	4.02	0.682	Tinggi

kepada wali *ab'ad* (wali ikhtiyar) dan wali hakim

Min Keseluruhan

4.21 0.546 Tinggi

Jika dilihat secara keseluruhannya, konstruk yang mendapat nilai yang paling tinggi adalah pada bahagian konstruk syarat-syarat wali nikah ($\text{min}=4.45$), diikuti dengan konstruk konsep perwalian nikah ($\text{min}=4.20$) dan sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim ($\text{min}=4.02$). Dapatkan kajian secara terperinci menunjukkan, terdapat item-item yang memperolehi nilai skor min yang tinggi dan sederhana tinggi seperti pada bahagian konsep perwalian nikah dan sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim.

Bagi konstruk konsep perwalian nikah, pernyataan B4 (saya faham wali nasab mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengahwinkan seseorang perempuan di bawah tanggungannya tanpa meminta keizinan) dengan nilai min ($\text{min}=3.97$) dan pernyataan B5 (saya faham *wali ikhtiyar* tidak mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengahwinkan seseorang perempuan tanpa keizinannya) dengan nilai min ($\text{min}=3.88$) berada di tahap yang sederhana rendah. Hal ini menunjukkan, responden masih kurang memahami dan kurang pengetahuan mengenai kuasa wali yang diberikan oleh *syara'* kepada wali untuk mengahwinkan seseorang perempuan yang di bawah jagaannya. Oleh itu, sangatlah penting untuk memahami istilah-istilah yang berkaitan dengan wali nikah (seperti wali mujbir, wali nasab, *wali ikhtiyar* dan wali hakim) dan kekuasaan yang ada pada wali agar kekuasaan wali tidak salahgunakan serta tidak berlaku sebarang kekeliruan.

Manakala bagi konstruk syarat-syarat wali nikah, pengkaji berpandangan responden sangat faham dan mempunyai pengetahuan berkaitan syarat-syarat untuk seseorang menjadi wali. Hal ini kerana, keseluruhan item pada bahagian ini mendapat nilai min yang tinggi. Oleh itu, pengkaji mendapati pengetahuan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan mempunyai pengetahuan yang baik.

Bagi pembahagian konstruk sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim pula, majoriti item berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu item D4 (saya faham boleh menggunakan wali hakim sekiranya wali enggan) iaitu ($\text{min}=4.00$), item D2 (saya faham *wali ab'ad* akan menjadi wali sekiranya *wali aqrab* seorang yang gila) iaitu ($\text{min}=3.99$), D1 (saya faham perpindahan *wali aqrab* kepada *wali ab'ad* apabila tidak memenuhi syarat-syarat wali) iaitu ($\text{min}=3.90$) dan D5 (saya faham wali hakim akan menjadi wali sekiranya wali nasab sedang mengerjakan umrah dan haji) iaitu ($\text{min}=3.90$). Berdasarkan nilai min di atas, menunjukkan masih terdapat sebilangan responden kurang mengetahui dan kurang memahami berkaitan sebab-sebab perpindahan *wali aqrab* (wali nasab) kepada *wali ab'ad* (*wali ikhtiyar*) dan wali hakim. Oleh itu, pengetahuan mengenai sebab-sebab dibolehkan berlaku perpindahan wali perlu ditingkatkan kerana peranan wali sangat penting dalam melangsungkan sesebuah perkahwinan.

Secara rumusannya, berdasarkan nilai min secara keseluruhan, majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan perwalian nikah dengan memperolehi nilai min sebanyak 4.21. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan mempunyai pengetahuan yang baik dan kebanyakan memahami mengenai perwalian nikah.

Kesimpulan

Kepentingan memahami dan mengetahui mengenai perwalian nikah seharusnya di ambil tahu oleh semua pasangan yang ingin berkahwin terutama kepada pasangan pengantin perempuan. Hal ini kerana, wali memainkan peranan yang penting serta menentukan kesahan sesebuah perkahwinan tersebut. Di samping itu, untuk mengelakkan berlaku penceraian atau perpisahan kerana tidak menggunakan perwalian yang sahih. Permasalahannya adalah kerana masih terdapat dalam kalangan masyarakat Islam hari ini yang tidak memahami keperluan wali dalam perkahwinan dan siapakah yang sebenarnya yang berhak terhadap perkahwinan mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan kefahaman mengenai perwalian nikah dalam kalangan masyarakat di daerah Kota Bharu, Kelantan berada di tahap yang tinggi dan sangat baik. Sehubungan dengan itu, walaupun secara keseluruhannya kefahaman berada di tahap yang tinggi tetapi kefahaman dan pengetahuan mengenai perwalian nikah perlu dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa sama ada melalui pembacaan, atau menghadiri kuliah-kuliah dan ceramah-ceramah agama. Tambahan pula, pemahaman mengenai perwalian nikah harus diperluaskan dan dipertingkatkan dalam kalangan masyarakat sekarang.

Rujukan

- Konsulat Jeneral Malaysia Songkhla, Thailand. 2014. Ministry of Foreign Affairs, Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. 2002. “*Hukum kahwin lari di Selatan Thailand.*” JKF. bil.7/52/2002.
- Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. 2002. “*Hukum kahwin lari di Selatan Thailand.*” JKF. BIL.7/52/2002.
- Pallant, J. 2001. *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for Windows (version 10).* Buckingham: Open University Press.
- Sabiq, al-Sayyid. 1973. *Fiqh al-sunnah.* Jil. 2. Beirut: Dar al-Kitab al- ‘Arabi.
- Zaydan, ‘Abd al-Karim. 1994, *al-Mufasal fi al-ahkam al-mar’ah wa al-bait muslim fi al-shariah Islamiah.* Jil 6. Beirut. Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1996. *Al-Fiqhu al-Islami wa adillatuhu.* Jil 7. Damsyiq: Dar al-Fikr.